

Pelajaran didakwa bukan kualiti pengajaran diintamakan

UB 26/10/2011 84

MINDA PENDIDIK
MUHAMAD SUAIMI TAAT



Bersama:
Mohd Yusof Abdullah, Baharam
Mohamad, Abdul Said Ambotang, Shukri
Zain dan Roslee Talip

SEJAK kebelakangan ini, selaras dengan tuntutan era globalisasi khususnya dalam bidang pendidikan, jumlah guru yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat sarjana muda, sarjana, atau doktor falsafah semakin bertambah. Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia menyasarkan semua guru akan memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda. Bilangan guru di Malaysia juga telah mele过si angka 400,000 orang, suatu angka yang besar berbanding dengan penjawat awam lain. Justeru, sememangnya adalah menjadi harapan kerajaan agar kualiti guru sama ada yang bertugas sebagai pentadbir (pengetua/guru besar, guru penolong kanan, penyelia sesi dan sebagainya), guru cemerlang, guru akademik, atau guru biasa sentiasa ditambah baik dan warga pendidik dituntut agar meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran yang dimiliki supaya dapat berfungsi sepenuhnya ketika bertugas. Jumlah guru juga sentiasa bertambah mengikut keperluan walaupun ada kalanya pengurusan yang dibuat pihak yang terlibat tidak selalunya tepat disebabkan faktor-faktor yang tidak dapat dikawal atau dielakkan. Sebagai contoh, baru-baru ini sejumlah guru telah dihantar ke IPTA di seluruh negara untuk menambah opsyen mereka kerana kelebihan jumlah guru bagi opsyen asal mereka di sekolah tempat mereka bertugas.

Umum mengetahui bahawa dewasa ini bukanlah mudah bagi calon-calon lepasan Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan atau apa sahaja kelulusan yang setaraf dengannya untuk mengikuti program pendidikan di institusi pendidikan. Apatah lagi dengan jumlah pengambilan guru yang

semakin menguncup dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Calon-calon terpaksa melalui pelbagai tapisan seperti ujian bertulis dan juga proses temu duga. Bukan itu sahaja, terdapat juga pelbagai syarat khusus lain yang semuanya adalah bertujuan untuk memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak dan yang disahkan sahaja boleh menjadi guru pelatih dan seterusnya bertugas sebagai seorang guru sebenar selepas tamat pengajian kelak. Namun terdapat juga kes yang berlaku apabila pengambilan calon guru tidak mengikuti atau melalui proses yang sepatutnya atas alasan atau sebab tertentu. Walaupun jumlahnya tidak sebegini besar berbanding jumlah guru keseluruhannya, namun pepatah Melayu ada menyatakan ‘ibarat nila setitik, rosak susu sebelanga’. Adalah dibimbangkan calon yang mengikuti program pendidikan tanpa melalui tapisan yang sepatutnya, sebenarnya telah mengambil peluang, hak, atau tempat orang lain yang mungkin lebih layak untuk menjadi guru di sekolah. Justeru diharapkan calon-calon tersebut menggunakan peluang dan tempat yang diberikan dengan sebaik-baiknya dan menjadikan profesion keguruan sebagai pilihan utama dan bukannya hanya sebagai kedua apatah lagi sebagai pilihan terakhir.

Begitulah juga keadaannya apabila sesetengah jawatan sama ada jawatan akademik atau pentadbiran di sekolah diberikan kepada individu tertentu dengan tidak melihat kepada kelayakan atau kemahiran yang sebenar dan hanya bersandarkan kepada senioriti atau kekananan dalam perjawatan semata-mata, maka kualiti sesebuah sekolah mungkin akan terjejas kerana jawatan-jawatan penting tersebut tidak dikendalikan oleh orang yang benar-benar layak atau berkebolehan. Terdapat juga segelintir guru yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke peringkat sarjana atau doktor falsafah, namun

mengabaikan tugas hakiki di sekolah. Isu-isu yang dibangkitkan adalah merupakan sebahagian kecil daripada isu kuantiti dan kualiti guru kerana guru juga merupakan manusia biasa dan juga sebahagian daripada penjawat awam yang inginkan peningkatan dalam kerjaya mereka. Hakikatnya, tidak menjadi kesalahan bagi seseorang individu untuk menjadi seorang guru, namun seharusnya melalui proses yang telah ditetapkan sebagaimana yang dilalui oleh orang lain. Begitu juga bagi seseorang guru yang ingin menjawat jawatan utama pentadbiran atau jawatan akademik, perkara tersebut adalah digalakkan, namun biarlah dimohon dan diisi oleh guru yang benar-benar berketerampilan dan sememangnya layak dan berhak. Di samping itu, sememangnya guru-guru adalah dituntut untuk menambahkan ilmu dan kemahiran dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Namun apa yang lebih utama, segala perkara yang telah disebutkan itu sebaik-baiknya dimulakan dengan niat yang baik dan murni, dan dilakukan bukan sahaja untuk mencapai kepuasan peribadi atau menambah pendapatan dan kenaikan gred jawatan, tetapi lebih daripada itu adalah untuk kecemerlangan pelajar dan sekolah yang akan menyumbang kepada kegemilangan negara tercinta. Harus diingat bahawa banyak ilmu dan kemahiran yang boleh diperoleh atau sepatutnya diperoleh apabila seseorang guru itu melanjutkan pelajaran, dan seharusnya segala kemahiran dan ilmu yang diperoleh akan dapat menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Adalah lebih baik sekiranya segala tutur kata, cara berfikir, tindakan, dan sahsiah seseorang guru itu setara dengan kelulusan yang dimiliki dan jawatan yang disandang. Maka baharulah ‘darjah’ seseorang insan guru itu akan dapat diangkat bukan sahaja di sisi Allah SWT, malah juga di sisi pelajar, rakan sekerja dan masyarakat sekeliling.

Manusia adalah makhluk yang sangat istimewa kejadiannya. Antaranya ialah manusia seperti seorang guru dilihat dan diukur dengan ‘nilai’ dan harga dirinya, tanpa mengira paras rupa, warna kulit, keturunan, dan kelulusannya. ‘Nilai’ yang dibawa dan menjadi darah daging seseorang guru itulah yang akan dibawa sehingga ke akhir hayat. Mungkin ada yang kurang sedar bahawa segala penghormatan, gelaran, dan keistimewaan yang diperoleh semasa sedang bekerja adalah bersifat sementara dan akan berakhir atau hilang apabila tamat tempoh perkhidmatan. Justeru, gunakanlah segala kelebihan yang dimiliki sama ada dari aspek jawatan, kelulusan, gelaran, atau pangkat demi untuk kebaikan pelajar selain daripada kepuasan peribadi. Pepatah ada menyebut ‘harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama’. Hidup seorang pendidik sejati adalah demi untuk kepentingan pelajar yang dididiknya. Sekiranya anak didiknya berjaya menjadi insan manusia, maka baharulah boleh dikatakan berjaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Ini adalah kerana tugas utama seorang guru adalah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan di dalam bilik darjah. Di samping itu, guru juga seharusnya memberi penekanan kepada aspek bimbingan yang berterusan di luar bilik darjah agar proses pendidikan yang meliputi dua elemen utama iaitu ‘transfer’ dan ‘transform’ dapat direalisasikan. Ingatlah bahawa kehebatan seorang guru itu bukan semata-mata terletak kepada kelulusan atau pangkat yang dimiliki, tetapi apabila anak didik mereka berasa puas dengan ilmu dan kemahiran yang diberikan, malah berupaya menjadi insan seimbang yang menyumbang kepada kemakmuran negara tercinta.